

Konflik Migran Cina dengan Peradaban Peribumi Kalimantan Barat: Analisis Syair Perang Cina di Monterado

Steven Alezender^{1*} dan Shaiful Bahri Md Radzi¹

¹Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, FSSK, Universiti Kebangsaan Malaysia.

ABSTRAK

Kolonialisme di Alam Melayu memberi tamparan yang hebat buat peradaban peribumi. Perubahan landskap ekonomi, politik dan sosial di Alam Melayu akibat kolonialisme tidak hanya dirasa dalam jangka masa yang singkat bahkan hayat dampaknya berkekalan dalam jangka masa yang panjang. Makalah ini membincangkan kehadiran migran Cina yang dibawa oleh kuasa-kuasa Eropah semasa kolonialisme berlangsung di Alam Melayu sehingga menjelaskan beberapa wilayah Alam Melayu khususnya di Kalimantan Barat. Kekayaan hasil komoditi di beberapa wilayah Kalimantan Barat seperti di Sambas dan Mempawah memungkinkan kehadiran migran Cina di wilayah tersebut sekitar abad ke-18 dan 19 akibat penguasa kedua wilayah yang kaya ini bertindak memanfaatkan kehadiran migran Cina di Alam Melayu untuk mengusahakannya. Dengan menggunakan pendekatan sejarah dalam meneliti naskhah historiografi Syair Perang Cina di Monterado yang khusus merawikan peristiwa ini, hasil dapatan kajian mendapati bahawa kehadiran migran Cina telah membawa kepada kesengsaraan peradaban peribumi di Kalimantan Barat yakni Dayak, Melayu dan Bugis. Tindakkan melampau migran Cina yang semakin berkuasa menyebabkan nasib sosioekonomi peribumi di Kalimantan Barat berada pada tahap yang amat menyedihkan. Dalam pada itu, penindasan yang dilakukan oleh migran Cina telah meniupkan semangat kebangkitan dalam kalangan penduduk peribumi dan seterusnya melancarkan perperangan dengan sokongan Belanda sebagai timbal balas terhadap sikap keterlaluan migran Cina.

Kata Kunci: Kolonialisme, Kalimantan Barat, Migran Cina, Peribumi, Peperangan.

ABSTRACT

Colonialism in the Malay world gave a great blow to the indigenous civilization. The economic, political and social landscape changes in the Malay world as a result of colonialism is not only felt in a short period time but the survival effect is long-term. This paper discusses the presence of Chinese migrants brought by European powers during the colonialism took place in the Malay World to affect some areas of the Malay World, especially in West Kalimantan. The wealth of commodities in some areas of West Kalimantan such as Sambas and Mempawah allowed the presence of Chinese migrants in the region around the 18th and 19th centuries as the rulers of these two rich regions acted to harness the presence of Chinese migrants to work on it. Using the historical approach to studying the Syair Perang Cina di Monterado in the course of the event, the findings show that the presence of Chinese migrants has led to the woes of indigenous civilization in West Kalimantan namely Dayak, Malay, and Bugis. Overcoming the increasingly powerful Chinese migrants has caused the fate of the indigenous socioeconomics in West Kalimantan to be extremely depressing. In the meantime, oppression by Chinese migrants has emboldened the spirit of resurgence among indigenous populations and subsequently launched a war with Dutch support in response to the outrageous attitude of Chinese migrants.

Keywords: Colonialism, West Kalimantan, Chinese migrants, Indigenous Peoples, War.

*Koresponden: P97155@siswa.ukm.edu.my

PENGENALAN

Eropah tamak. Nafsunya membuaik. Kesarakahannya itu dicanai dan dijelmakan menerusi terma *Gold, Gospel* dan *Glory*. *Gold*, menjanjikan kekayaan dan kemewahan, keluar dari kemunduran. *Glory*, menyanjung dan menebar nama ke serata alam, luas tak bersempadan. *Gospel*, bukan sampingan tetapi penting untuk menyebarkan risalah-risalah ketuhanan. Ironinya, tiga terma ini melorongkan langkah Eropah dalam memulakan misinya menjajah. Baik Protugis, Sepanyol, Belanda mahu pun Inggeris, penjajahan kuasa-kuasa besar ini boleh di katakan sebagai di picu oleh terma yang sama. Dalam pada itu, kehausan kuasa-kuasa Eropah terhadap hasil komoditi yang tidak di punyai membuatkan mereka ghairah untuk memburu dan memiliki. Apatah lagi meledaknya Revolusi Perindustrian di Eropah pada pertengahan kedua abad ke-18 menyuburkan nafsu mereka terhadap hasil komoditi. Ia semakin merancakkan lagi kegiatan mereka dalam melakukan pencerobahan demi pencerobohan terhadap kedaulatan negara-negara lemah yang kaya dengan hasil komoditi. Yang menentang akan diperangi dan ditakluki, perikemanusiaan diketepi asalkan keinginan terpenuhi. Hasil komoditi sesebuah negara yang dijajah akan diperah sebanyak yang mungkin untuk memenuhi keperluan industri di negara mereka. Penjajahan kuasa Eropah ini bukan sahaja menyebabkan berlakunya penindasan terhadap negara yang dijajah, bahkan juga turut merubah ekonomi, politik dan sosial negara terbabit.

Khusus membicarakan mengenai Asia Tenggara, kedatangan kuasa-kuasa Eropah ke Alam Melayu misalnya kerap kali diperkatakan sebagai didorong oleh satu faktor yang begitu dominan sekali iaitu perdagangan. Alam Melayu di era pra kolonial sememangnya terkenal sebagai hub perdagangan antarabangsa yang begitu aktif dengan urusan perdagangan. Aktiviti perdagangan tersebut bukan sahaja melibatkan pedagang-pedagang dari Alam Melayu sendiri bahkan juga pedagang-pedagang dari seluruh dunia turut terlibat sama dalam urusan perdagangan di Alam Melayu. Terkenal dengan rempah ratus dan hasil komoditi lain seperti emas dan bijih timah yang dijadikan sebagai barang dagangan, Alam Melayu menjadi sasaran seterusnya oleh kuasa-kuasa Eropah untuk dijadikan sebagai tanah jajahan. Kekayaan Alam Melayu yang menjadi kegilaan membuatkan kuasa-kuasa Eropah saling bersaing di antara satu dengan yang lain untuk menguasai Alam Melayu. Namun begitu, kuasa-kuasa Eropah ini berhadapan dengan kesukaran dalam usahanya yang ingin membolotkekayaan Alam Melayu akibat berlakunya kekurangan tenaga kerja untuk dipertanggungjawabkan bagi mengeluarkan kekayaan Alam Melayu semaksimum yang mungkin. Justeru kuasa-kuasa Eropah ini mendatangkan bangsa asing khususnya orang Cina ke Alam Melayu untuk memenuhi agenda ekonomi kapitalisme mereka yang akhirnya memberi kesan bukan sahaja dalam jangka masa yang pendek bahkan ia turut dirasa dalam jangka masa yang panjang.

KEHADIRAN MIGRAN CINA DI KALIMANTAN BARAT

Abad ke-18 hingga 19 Masihi, merupakan suatu tempoh masa yang menyaksikan negara China berada dalam era yang di sifatkan sebagai huru hara. Kegemilangan dan prestasi baik negara China sebagai sebuah empayar terkuat dunia yang sebelumnya banyak menaungi kerajaan-kerajaan silam mulai mengalami kemeruduman apabila melewati abad yang disebutkan. Mengikut Sidek Fadzil (1970:24-27), perperangan dan pemberontakan, bencana alam, lebihan penduduk dan pengangguran terus menerus memberi tekanan yang tidak tertanggung lagi oleh negara China. Faktor tersebut mendorong dan meletakkan negara China dalam situasi yang meruncing serta memberi tamparan yang hebat baik buat institusi pemerintah maupun rakyatnya.

Sebagai kesan daripada faktor-faktor tersebut, rakyat negara China sentiasa berhadapan dengan kesukaran hidup dan tidak kurang juga ada yang mati dengan sia-sia. Kematian yang berpunca dari fenomena alam misalnya sudah pun mengantui negara China seawal abad ke-18

dan 19 lagi dan ia terus menerus berlarutan sehingga abad tersebut. Mengikut catatan dokumen yang ditinggalkan pada era pemerintahan kerajaan Ch'ing, seramai 13 000 000 orang rakyat China meninggal dunia akibat berlakunya kebuluran yang berpunca dari banjir besar. Angka kematian ini di katakan terus mencatatkan pertambahan ekoran dari kesengsaraan sama yang tidak berhenti dari menekan rakyat China melewati dinasti-dinasti pemerintahan seterusnya seperti di era kerajaan Chia Ching, Yung Le dan Cheng T'ung (Victor Purcell 1997: 2).

Demi mencari sebuah penghidupan baru yang lebih bermakna, rakyat negara China pada ketika itu tidak mempunyai pilihan lain selain daripada meninggalkan tanah leluhur mereka. Oleh itu pada abad yang sama juga, rakyat negara China telah bergerak dalam skala yang besar meninggalkan negara China menuju dan menyebar ke destinasi yang dirasakan akan memberikan perubahan dalam hidup mereka. Ekoran daripada polisi ekonomi kapitalisme kuasa-kuasa Eropah yang memerlukan tenaga kerja yang banyak untuk mengeluarkan sumber komoditi tanah jajahan semaksimum yang mungkin, Asia Tenggara khususnya Alam Melayu menjadi destinasi yang popular dalam kalangan migran Cina sebagai tempat untuk mereka memulakan sebuah penghidupan yang baru.

Maka atas dorongan faktor penarik itu, orang Cina berpusu-pusu bermigrasi ke Alam Melayu bagi memenuhi penawaran kuasa-kuasa Eropah tersebut. Mereka bertebaran serta mendiami seluruh pelosok wilayah yang ada di Alam Melayu terutamanya wilayah yang kaya dengan hasil komoditi. Dari sekian banyak wilayah Alam Melayu yang menjadi tumpuan migran Cina itu, Kalimantan Barat merupakan salah satu wilayah di Alam Melayu yang tidak terkecuali dari dijengah oleh migran Cina.

Ini kerana komoditi emas di Kalimantan Barat pada abad ke-18 pernah begitu menyilaukan wilayah ini. Monterado, Sungai Duri, Mandor dan Lara antara kawasan yang menjadi saksi akan gemerlapnya emas di sana. Meskipun riwayat dagangnya tidak semahsyur seperti di Singapura mahupun Batavia, namun kehadirannya di sana sebagai sesuatu yang eksklusif dan berharga menjanjikan tiga perkara yakni konflik, kejayaan dankekayaan. Dalam masa yang sama, ia juga seolah-olah mempunyai "kuasa" untuk mengubah ekonomi, politik dan sosial masyarakat peribumi setempat. Ironinya, masyarakat peribumi terpaksa membayar harga yang tinggi akibat dari emas yang berkilauan.

Pada awalnya, komoditi emas di kawasan yang disebutkan diusahakan secara kecil-kecilan oleh masyarakat peribumi khususnya orang Dayak dan Melayu dengan mendapatkan keizinan daripada penguasa Melayu pada waktu tersebut. Oleh kerana cara hidup orang Dayak yang bersifat sederhana dengan menjalankan aktiviti sara hidup yang berbentuk mudah, perlombongan dan perusahaan emas tidak dijadikan sebagai perkerjaan utama oleh orang Dayak untuk meneruskan kehidupan sehari-hari mereka.

Keadaan tersebut demikian kerana orang Dayak kebiasaannya hidup dengan bergantung dan memanfaatkan hasil-hasil hutan yang berdekatan dengan penempatan mereka. Tidak kurang juga ada yang menjalankan kegiatan memburu haiwan hutan dengan menggunakan sumpitan dan anak panah yang beracun di samping kegiatan lain seperti memancing ikan. Seiring dengan peredaran masa, orang Dayak mula belajar menjalankan aktiviti pertanian secara kasar yang bersifat sara diri (Grahim Irwin 1989: 3). Justeru itu, keadaan itu menyebabkan perusahaan perlombongan emas tidak diusahakan secara konsisten seperti mana ditempat-tempat yang lain.

Menyedari akan potensi perusahaan emas dan ia berada dalam situasi yang merugikan kerana tidak diusahakan, Penembahan Mempawah menurut Jackson (1970:20); Ida Bagus Putu Prajna Yogi (2016: 4) sekitar tahun 1740 Masihi memeterai perjanjian dengan mengundang sejumlah 20 orang migran Cina yang majoritinya berketurunan Hakka dari Brunei untuk mengerjakan lombong emas miliknya di Sungai Duri. Menginginkan perkara yang sama, Sultan Sambas,

Sultan Umar Akkamuddin II pula menurut Any Rahmayani (2015:348) sekitar tahun 1750 Masihi mengikuti jejak langkah Panembahan Mempawah dengan mendatangkan migran Cina ke Sambas bagi mengusahakan lombong emas yang dimilikinya di Monterado.

Dalam pada itu, tindakkan yang dilakukan oleh Penembahan Mempawah dan Sultan Sambas, Sultan Umar Akkamuddin II itu ternyata memberi keuntungan yang besar dan lumayan kepada kedua-dua penguasa tersebut. Kejayaan yang dikecapi oleh kedua-dua penguasa ini dalam perusahaan perlombongan emas adalah kesan daripada teknologi dan kaedah perlombongan yang digunakan oleh migran Cina untuk mengeluarkan komoditi emas yang boleh disifatkan sebagai terkehadapan berbanding dengan kaedah perlombongan tradisional sebelumnya.

Bahkan Ida Bagus Putu Prajna Yogi (2016:6) menyatakan bahawa kewibawaan orang Cina dalam melakukan kerja perlombongan turut diiktiraf oleh kerajaan di Asia dan negara-negara Eropah dengan memanfaatkan kepakaran mereka dalam bidang perlombongan untuk melombong emas semaksimum yang mungkin. Membicarakan kaedah perlombongan emas migran Cina di Monterado, beliau mengatakan migran Cina membina empangan di kawasan perlombongan dan mengali saluran di sepanjang arah urat emas. Berikutnya pintu-pintu air akan dibuka untuk menghanyutkan keseluruhan lapisan tanah dibahagian atas bagi mendapatkan emas di lapisan berikutnya. Emas yang di perolehi kemudiannya dibersihkan dengan tekanan air yang terus menerus yang dialirkkan menerusi papan yang didudukan secara miring.

Keberhasilan migran Cina dalam kerja-kerja perlombongan ini secara tidak langsung bukan sahaja memperluaskan lagi kawasan perlombongan emas di seluruh pelosok Mempawah dan Sambas seperti di Minawang, Sinman, Mandor dan Lara tetapi turut membuka ruang sedikit demi sedikit buat migran Cina untuk membuat penempatan di Kalimantan Barat secara tetap melewati tahun 1740 hingga 1745 Masihi (Any Rahmayani 2015:348). Oleh itu, bilangan mereka di Kalimantan Barat terutamanya di kawasan-kawasan perlombongan sentiasa mencatatkan pertambahan pada tahun yang seterusnya.

Berikutnya, menjelang tahun 1812 Masihi, jumlah migran Cina di Kalimantan Barat menurut Jackson (1970:50-51) terus bertambah kepada 30 000 orang berikutan perusahaan lombong yang berkembang pesat sehingga menjadikan Sambas sebagai pusat perlombongan utama di Kalimantan Barat. Angka tersebut mengatasi jumlah pelombong Dayak dan Melayu yang hanya mencatatkan bilangan sebanyak 12 000 orang sahaja. Pada tahun yang sama juga, migran Cina berjaya mencatatkan bilangan sebanyak 50 000 orang di Monterado di samping pertambahan jumlah migran Cina di Mandor pada setiap tahun.

Dengan jumlah yang sebegini besar, migran Cina tidak lagi hanya membuat penempatan yang berpusat di Monterado dan Sambas seperti di awal kedatangan mereka tetapi lokasi penempatan mereka mula di perluaskan ke kawasan sekitarnya seperti di Seminis, Sepang, Lumar, Lara, Mandor, Singkawang, Buduk, Sedauw dan Pemangkat. Dalam pada itu, migran Cina juga mulai membentuk pertubuhan tersendiri yang dikenali sebagai kongsi. Matlamat penubuhan kumpulan kongsi ini antara lainnya mengikut Khoo Kay Kim (1971:21) adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan golongan migran Cina yang bergerak keluar dari negara China. Menurut beliau juga, di samping penubuhan kumpulan kongsi ini terdapat juga beberapa pertubuhan lain yang diasaskan mengikut daerah asal orang Cina sendiri seperti Persatuan Kwangtung, Hokkien, Fu Chew, Kongchow, Eng Choon dan Eng Hwa yang menjalankan fungsi yang hampir sama seperti penubuhan kumpulan kongsi.

Berbeza dengan petubuhan Cina yang lain, penubuhan kumpulan kongsi adalah dianggap sebagai organisasi yang terpenting sekali kerana ia merupakan salah satu dari aspek kehidupan sosial orang Cina dan ia juga berkait rapat dengan tradisi yang ada pada tanah leluhur mereka (Khoo Kay Kim 1971:21). Jika disoroti dari segi sejarah, kumpulan kongsi ini telah pun wujud

pada awal abad ke-19 di China. Pada asalnya, kumpulan kongsi ini menurut Victor Purcell (1997:166-166) lahir menerusi serpihan beberapa pertubuhan tertentu seperti pertubuhan kebajikan dan keagamaan dengan membawa fahaman politik dan anti dinasti semasa berlakunya penaklukan kerajaan Manchu ke atas China dan berusaha memulihkan semula Dinasati Ming. Namun, pertubuhan kongsi ini kemudiannya berubah menjadi satu pertubuhan yang bercorak jenayah.

Oleh itu, di Kalimantan Barat sendiri mengikut Any Rahmayani (2015:348), sekitar tahun 1770 hingga 1777 Masihi sekurang-kurangnya terdapat empat belas buah kumpulan kongsi yang terbentuk dalam kalangan migran Cina. Antaranya ialah Thaikong, Lo Pat Foen, Kioe Foen Theo, Sjap Sam Foen, Kiet Lien, Sin Pat Soen, Sam Thiao Kioe, Man Fo, Sin Woeck, Hang Moei, Sjip Ng Foen, Thai Fo, Lo Sjip Si Foen dan Sjip Ngi Foen. Berikutnya menurut beliau lagi kumpulan-kumpulan kongsi ini yang menguasai lebih daripada 30 buah lombong emas bergabung untuk membentuk kumpulan kongsi yang lebih besar.

Sehingga tahun 1780 Masihi, dipercayai terdapat tiga kumpulan kongsi emas terbesar yang wujud di Kalimantan Barat yakni Kongsi Si Ta Kiou di Lara, Kongsi Thai Kwung di Monterado dan Kongsi Lan Fong di Sambas (Any Rahmayani 2015:348). Kehebatan pertubuhan kumpulan kongsi ini semakin terserlah apabila ketiga-tiga kumpulan kongsi terbesar di Kalimantan Barat tersebut mempunyai aset ketenteraan sendiri. Victor Purcell (1966:423-424) ketika membincangkan aset ketenteraan kumpulan kongsi ini menyatakan bahawa Kongsi Si Ta Kiou memiliki sejumlah 5000 orang tentera, Kongsi Lam Fong pula mempunyai seramai 6000 orang tentera manakala Kongsi Thai Kwung mencatatkan bilangan tentera yang tertinggi iaitu seramai 10 000 orang tentera.

ANALISIS KAJIAN

Sepuluh tahun terawal sejak ketibaan migran Cina di Kalimantan Barat merupakan suatu tempoh masa yang makmur dan aman yang dilalui oleh Kalimantan Barat umumnya dan kawasan-kawasan perlombongan khasnya. Migran Cina hidup dengan berbaik-baik bukan sahaja dalam kalangan mereka sendiri bahkan juga dengan masyarakat peribumi, membayar cukai dengan teratur dan rajin bekerja untuk mengubah nasib hidup mereka. Namun sayang seribu kali sayang, suasana itu tidak mampu bertahan lama dan ia mulai berubah melewati tahun-tahun yang berikutnya. Kawasan perlombongan yang pada asalnya tenteram mulai kacau bilau akibat dari masalah yang berpunca dalam kalangan kongsi emas sendiri mahupun di antara migran Cina dengan masyarakat peribumi setempat.

Selepas melewati tempj sepuluh tahun tersebut, kerap kali berlaku konflik dalam kalangan kumpulan kongsi dan tidak kurang juga ada di antara konflik itu menyebabkan berlakunya perperangan sesama kumpulan kongsi sendiri. Kronologi konflik yang berlaku di kawasan perlombongan mengikut susunan Any Rahmayani (2015:350) bermula dengan konflik di dalam kongsi yang kemudiannya berkembang menjadi konflik antara kongsi melawan kongsi lain dengan kerjasama kuasa kolonial. Berikutnya pula berlaku konflik di antara kumpulan kongsi melawan kuasa kolonial. Konflik antara kongsi melawan kongsi lain yang pertama kali iaitu pada tahun 1807 Masihi menyaksikan pertembungan antara kongsi Thai Kwung beserta sekutunya melawan kongsi Kit Lien dan sekutunya. Konflik tersebut berakhir apabila kemenangan berada di pihak kongsi Thai Kwung.

Berikutnya, konflik itu berlanjutan pada tahun 1808 Masihi yang menyaksikan kongsi Thai Kwung dibantu oleh Tjeo Foeng Fa dari kongsi Samtiakiou menentang kongsi Sin Pat Foen (sekutu kongsi Kit Lien) akibat dari perebutan kawasan perlombongan dan pembahagian air yang di kata tidak adil. Kesan daripada konflik ini telah menyebabkan hak terhadap kawasan perlombongan dibahagikan di antara tiga kumpulan kongsi iaitu kongsi Thai Kwung, kongsi

Hang Moi dan kongsi Sin Woek. Dalam masa yang sama, konflik tersebut juga telah mengecilkan saiz kongsi yang besar kepada hanya tujuh kumpulan kongsi yang masih wujud dan bertahan.

Seterusnya pula berlaku perang kongsi pada tahun 1822 hingga 1824 Masihi yang merupakan perang terbuka antara dua kumpulan kongsi yang merupakan anggota kongsi besar Fo Sjoen. Sepanjang tempoh peperangan ini berlaku, ia telah menyebabkan hasil perlombongan emas semakin menyusut. Apabila perang antara dua kumpulan kongsi ini berakhir, kuasa kolonial menjadi pihak ketiga yang berperanan membahagikan kawasan perlombongan kepada kongsi. Menerusi pembahagian tersebut, kongsi Thai Kwung mendapat kawasan perlombongan di Monterado dan Sungai Raya manakala kongsi Samtiakiou mendapat kawasan perlombongan di utara Monterado. Sehingga tahun 1837 Masihi, kumpulan kongsi yang tersisa hanya kumpulan kongsi Thai Kwung sahaja.

Dalam pada itu, situasi konflik ini menjadi semakin teruk dan meruncing apabila ia mulai merebak melangkaui komuniti mereka sendiri dengan melibatkan penduduk peribumi yang terdiri dari orang Dayak, Melayu dan Bugis. Sebagai contoh, konflik yang berlaku pada tahun 1842 Masihi yang terjadi di antara kongsi Cina dengan masyarakat peribumi disebabkan oleh tindakkan kumpulan kongsi yang merebut kawasan perlombongan emas orang Dayak di Lara. Namun, konflik seperti ini tidak hanya berlaku di Lara sahaja malah turut melibatkan juga beberapa kawasan perlombongan orang Dayak yang lain. Justeru, konflik yang berlaku di antara migran Cina dengan masyarakat peribumi tersebut mengikut Sugiri Kustedja (2016: 264) antara lainnya boleh diringkaskan seperti yang berikut:

Jadual 1 Konflik migran cina dengan masyarakat peribumi kalimantan barat

Masa	Konflik
1795-1799 Masihi	Perang dengan Panembahan Mempawah
1799-1803 Masihi	Perang dengan orang Dayak dari Landak
1823-1837 Masihi	Dibawah pengaruh Belanda
1837-1842 Masihi	Konflik dengan Panembahan Landak
1845-1848 Masihi	Perang dengan orang Dayak Landak

Menerusi jadual tersebut, dapat dilihat secara kasar susunan kronologi konflik yang berlaku di antara migran Cina dengan masyarakat peribumi. Malahan konflik tersebut bukan hanya melibatkan orang Dayak semata-mata bahkan institusi kerajaan tempatan juga turut terpalit sama. Istimewanya, konflik yang berlaku di antara migran Cina dengan masyarakat peribumi ini di abadikan kisahnya di dalam naskhah historiografi Melayu yang berjudul *Syair Perang Cina di Monterado*. Syair yang tidak di ketahui pengarangnya ini terhasil menerusi 822 rangkap yang memuatkan cerita mengenai faktor yang menyebabkan berlakunya konflik dan juga peristiwa peperangan di antara kedua-dua belah pihak. Pengabadian kisah konflik ini menerusi naskhah sastera sejarah jelas membuktikan bahawa ia merupakan salah satu peristiwa sejarah penting yang berlaku di Kalimantan Barat dan perlu untuk diketahui oleh generasi berikutnya.

Khusus membincangkan mengenai konflik di antara migran Cina dengan masyarakat peribumi, ia dikatakan berpunca akibat daripada sikap migran Cina yang berubah menjadi tamak dan serakah serta merasa tidak puas mengumpulkan kekayaan di negeri orang (Arena Wati 1989: 41). Migran Cina yang pada asalnya ingin menyara hidup berubah menjadi serakah kerana kekayaan yang tidak pernah dikecapi sebelumnya sudah pun berada di depan mata. Keterujaan inilah yang memungkinkan migran Cina untuk bertindak menguasai hasil kekayaan tempatan. Ekoran daripada ketamakan tersebut, migran Cina kemudiannya bertindak berani dengan mengingkari kewajipan mereka terhadap kontrak dengan sultan dan undang-undang negeri (Victor Purcell 1966:66).

Keengganan migran Cina untuk berlaku patuh kepada institusi kerajaan tempatan seperti pengingkaran terhadap kontrak dengan sultan dan undang-undang negeri tersebut sememangnya sudah menjadi sebahagian daripada norma kehidupan mereka. Ia seperti mana yang diperkatakan oleh Oong Hak Ching (1996:56) yang menyatakan bahawa orang Cina lebih suka menyendiri daripada menjalinkan interaksi yang rapat dengan masyarakat peribumi. Lebih buruk lagi apabila mereka juga turut keberatan untuk memberikan kesetiaan kepada institusi-institusi tempatan kerana lebih gemar memilih untuk memperkuatkan lagi ikatan mereka di sini dengan negara leluhur.

Mengulas mengenai perkara yang sama dengan merujuk situasi migran Cina di kawasan-kawasan perlombongan Kalimantan Barat, Victor Purcell (1966:421-422) mengatakan kumpulan kongsi ini bersungguh-sungguh melakukan penentangan terhadap kekuasaan dan kedaulatan kerajaan-kerajaan yang terdapat di Kalimantan Barat. Menurut beliau lagi, walaupun kumpulan kongsi ini dilihat sering bergaduh dan bertelagah di antara satu sama lain akibat berebutkan kawasan perlombongan, namun mereka ternyata bersatu dalam usaha menentang kerajaan tempatan dan masyarakat peribumi Kalimantan Barat.

Oleh itu, tidak hairanlah apabila migran Cina menurut Jackson (1970: 56), bertindak mengukuhkan organisasi mereka di kawasan perlombongan tersebut dan menjelang abad yang ke-18, kekuatan organisasi migran Cina ini sudah pun mencapai tahap kemuncaknya sehingga dapat membentuk pemerintahan republik yang pada asalnya sebagai republik kecil menjadi republik bersekutu. Tindakan migran Cina tersebut jelas membuktikan keengganan mereka untuk berlaku setia kepada institusi kerajaan tempatan.

Dalam konteks Alam Melayu, perbuatan migran Cina yang ingkar dan melakukan penentangan terhadap penguasa tempatan ini dilabel sebagai derhaka. Merujuk falsafah derhaka yang dipegang di Alam Melayu ia merupakan suatu bentuk penentangan terhadap raja, mencetuskan huru hara di dalam negeri, membunuh tanpa kebenaran raja dan memalsukan cap mohor kepunyaan raja (Mustafa 2002). Dari keseluruhan falsafah derhaka tersebut, penentangan terhadap raja dan mencetuskan huru hara di dalam negeri ternyata ketara sekali dilakukan oleh migran Cina di Kalimantan Barat. Ia amat bertentangan dengan norma dan sikap masyarakat Alam Melayu yang begitu setia kepada institusi pemerintahan sehingga tidak berani melakukan penderhakaan kerana bimbang ditimpak tulah.

Oleh yang demikian, menerusi *Syair Perang Cina di Monterado* migran Cina ini kerap kali dicela serta dilabel sebagai figura yang melakukan penderhakaan di Kalimantan Barat. Pekara tersebut boleh dilihat dengan jelas menerusi rangkap-rangkap syair yang berikut:

Letnan kornel semayam dengan seketika,
Bicara Cina pula dibuka,
Di Tanah Ulu disuruh jaga,
Menjaga Cina sekalian yang menderhaka. (r. 54)

Janganlah Dayak sak dan sangka,
Semuanya musuh kita belaka,
Akan Cina sudah menderhaka,
Dia punya onar dengki juga. (r. 122)

Kepada Pangeran Suta surat dikirimkannya,
Diperintahkan Melayu Dayak sekaliannya,
Cina derhaka usir semuanya,
Dengan keras kita mengajarkannya. (r. 660)

Sudah habis habar kepada Cina itu,
Tiada harus dikasih orang Cina itu,
Tiada boleh dijabat mereka itu,
Perintahkan langar Cina yang derhaka itu. (r. 667)

Berdasarkan kepada rangkap-rangkap syair tersebut, migran Cina di dalam konflik ini jelas sekali diperlihatkan sebagai orang yang menderhaka. Bahkan celaan dan label “derhaka” terhadap mereka diulang berkali-kali dalam beberapa rangkap-rangkap syair bagi memperlihatkan betapa besarnya penderhakaan yang dilakukan oleh migran Cina ini. Penderhakaan migran Cina yang di cela menerusi syair ini jelas sekali boleh di hubung-kaitkan dengan tindakan mereka yang berani mengingkari kewajipan terhadap kontrak dengan sultan dan undang-undang negeri. Begitu juga dengan tindakkan mereka yang melakukan penentangan terhadap institusi kerajaan tempatan dan masyarakat peribumi dengan menggunakan kekuatan kongsi turut menjadi salah satu bentuk penderhakaan yang dilakukan oleh migran Cina.

Merujuk kepada frasa “dia punya onar dengki juga” pada rangkap syair yang kedua, ia boleh dikolerasikan dengan karenah migran Cina yang mengingkari kontrak dengan sultan seperti yang disebutkan sebelumnya. Kontrak yang diingkari migran Cina tersebut merupakan suatu bentuk persetujuan yang dimeterai oleh kedua-dua pihak iaitu di antara Panembahan Mempawah dan Sultan Sambas dengan migran Cina yang dibawa masuk sebelum mereka dibenarkan melombong emas di kawasan kedua-dua penguasa tempatan tersebut. Kontrak yang dimeterai itu mengariskan terma-terma yang menyentuh mengenai tanggungjawab kedua-dua belah pihak.

Isi kandung kontrak itu antara lainnya menurut Alqadrie Syarif Ibrahim & Pandil Sastrowardoyo (1984: 70) menetapkan izin pembukaan lombong emas dan urusan pembayaran pajakan lombong serta cukai kepala oleh migran Cina adalah kuasa mutlak dibawah kedua-dua penguasa tempatan tersebut. Berikutnya pula, perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pengurusan, pengadilan dan keamanan di kawasan perlombongan diserahkan sepenuhnya kepada migran Cina sebagai suatu bentuk tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dan diuruskan oleh mereka sendiri.

Menyentuh mengenai bayaran pajakan dan cukai kepala yang perlu dijelaskan oleh migran Cina pula, Arena Wati (1989: 54) mengatakan migran Cina di kawasan perlombongan dihendaki melunaskan bayaran pajakan lombong emas sebanyak 50 bungkal emas dan cukai kepala berjumlah \$3.00 setiap tahun kepada kedua-dua penguasa tersebut. Sesuai dengan persetujuan kontrak yang dimeterai, migran Cina di awal kedatangan mereka iaitu dalam tempoh sepuluh tahun terawal mematuhi setiap terma yang ditetapkan dengan melakukan bayaran pajakan lombong dan juga cukai kepala secara teratur tanpa gagal.

Namun, setelah melangkaui tempoh sepuluh tahun tersebut muncul rasa tertindas dalam diri migran Cina ekoran merasakan diri diperlakukan dengan kejam oleh pengawas kawasan perlombongan serta pendapatan mereka di katakan turut menurun akibat dari jumlah pajakan lombong dan cukai kepala yang di kenakan oleh penguasa tempatan (Any Rahmayani 2015: 350). Kedua-dua isu ini mulai dimainkan dan dijadikan oleh migran Cina sebagai alasan untuk mereka tidak berlaku patuh terhadap terma-terma kontrak yang dipersetujui pada awal kedatangan mereka.

Oleh itu, ekoran merasa tertindas dengan jumlah bayaran pajakan lombong dan cukai kepala tersebut kerana kononnya menjelaskan dan mengurangkan pendapatan mereka, migran Cina menurut Jackson (1970: 54) mula tidak konsisten dalam urusan pembayaran pajakan lombong dan cukai kepala kepada Penembahan Mempawah dan Sultan Sambas. Di samping itu, bayaran cukai yang dilakukan oleh migran Cina kepada kedua-dua penguasa tersebut juga sudah tidak

menentu mengikut masa yang dikehendaki dan ditetapkan. Bahkan, jika ada sekali pun migran Cina yang membayar pajakan lombong dan cukai kepala tersebut, tetapi jumlah bayarannya tidak seperti yang ditetapkan kerana dikhuatiri menjelaskan pendapatan mereka.

Menerusi keengganan migran Cina membayar pajakan lombong dan cukai kepala seperti yang dibincangkan, ia jelas mempamerkan sikap tamak migran Cina kerana khuatir bayaran tersebut menjelaskan pendapatan mereka. Tindakan itu juga menampakkan sikap migran Cina yang hanya ingin mengaut keuntungan di tempat orang tanpa perlu mengeluarkan sebarang modal seperti mana kebiasaannya. Justeru, kerana sayangkan hasil pendapatan mereka, migran Cina tanpa rasa bersalah berani bertindak menderhaka dengan melanggar kontrak yang dimeterai dengan kedua-dua penguasa tempatan.

Dalam pada itu, keterlanjuran perbuatan migran Cina yang menderhaka tersebut pernah mendapat perhatian khusus dari Belanda. Oleh itu, Belanda yang turut mempunyai kepentingan terhadap migran Cina bertindak menasihati migran Cina untuk tidak meneruskan sikap keterlaluan mereka itu seperti mana yang dirakamkan menerusi *Syair Perang Cina di Monterado* yang berikut:

Tuan Obas terlalu sabar,
Dengan kongsi beberapa pengajar,
Jangan Cina suka berlanggar,
Nanti celaka kampung dan pasar. (r. 23)

Beberapa surat ditulisan,
Menegahkan Cina jangan berlawan,
Nanti Montrado dirosakkan
Cina juga yang kebinasaan. (r. 24)

Menerusi dua rangkap syair tersebut, dapat dilihat dengan jelas akan niat baik Belanda yang sabar menasihati migran Cina agar tidak meneruskan perbuatan mereka yang keterlaluan terhadap institusi kerajaan tempatan dan masyarakat peribumi. Menerusi baris “nanti celaka kampung dan pasar” dan “nanti Montrado dirosakkan” menunjukkan Belanda turut memberi amaran kepada migran Cina kerana khuatir tindakkan mereka itu akan mengundang kemarahan masyarakat peribumi yang bukan sahaja memberi kesan kepada diri mereka sendiri bahkan ia juga akan menghancurkan kawasan Monterado sekiranya berlakunya peperangan. Jika diteliti, perbuatan Belanda yang menasihati migran Cina tersebut berkemungkinan atas kapasiti pangalaman Belanda sendiri yang acap kali berhadapan dengan penentangan masyarakat peribumi semasa melakukan penjajahan di Alam Melayu.

Namun begitu, migran Cina memilih untuk tidak mendengarkan nasihat yang diberikan oleh Belanda tersebut. Bahkan amaran yang diperingatkan oleh Belanda kepada mereka langsung tidak mengerunkan migran Cina sedikit pun. Ia jelas mengambarkan kebongkakan migran Cina yang enggan mendengar nasihat daripada mana-mana pihak walaupun ia demi kebaikan mereka sendiri. Kebongkakan migran Cina ini turut dicela di dalam *Syair Perang Cina di Monterado* seperti yang berikut:

Pangeran Suta empunya madah,
Kepada Dayak mengeluarkan perintah,
Cina Thai Kwung yang bongkak pongah,
Bunuh dan rampas harta ambilah. (r.120)

Berdasarkan rangkap syair tersebut, migran Cina terlihat jelas digambarkan sebagai figura yang teramat sombang berdasarkan kepada baris “Cina Thai Kwung yang bongkak pongah”. Kebongkakan dalam diri migran Cina ini berpunca dari ketamakkan mereka yang ingin terus menerus menguasaikekayaan di kawasan perlombongan dan enggan mendengar sebarang

nasihat daripada mana-mana pihak meskipun demi kebaikan mereka sendiri. Kekuatan yang dibina menerusi kumpulan kongsi yang lengkap dengan aset ketenteraan pula menyuburkan lagi kebongkakan migran Cina. Ia membuatkan migran Cina tidak takut akan sebarang ancaman yang dimaksudkan oleh Belanda kerana kekuatan tersebut cukup kuat untuk mendukung setiap perbuatan jahat yang mereka lakukan.

Oleh itu, kebongkakan migran Cina itu menyebabkan mereka terus meneruskan melakukan kejahatan demi kejahatan di kawasan perlombongan. Dari keengganan menjelaskan bayaran pajakan lombong dan cukai kepala, migran Cina seterusnya pula melakukan rampasan terhadap lombong emas yang pada asalnya hak milik mutlak Panembahan Mempawah dan Sultan Sambas. Keadaan menjadi semakin meruncing apabila migran Cina juga turut membuka dan mengembangkan lombong emas milik mereka sendiri di kawasan lain tanpa meminta keizinan dari penguasa tempatan.

Tindakkan migran Cina yang membuka kawasan perlombongan tanpa meminta sebarang kebenaran membuatkan migran Cina melanggar kontrak dengan penguasa tempatan buat kali keduanya. Pelanggaran kontrak oleh migran Cina buat kesekian kalinya ini jelas sekali mengingkari terma yang memperuntukkan sebarang urusan untuk membuka kawasan perlombongan haruslah meminta kebenaran daripada kedua-dua penguasa tempatan. Namun disebabkan sikap tamak, mereka sewenang-wenangnya membuka dan mengembangkan lombong emas tanpa meminta sebarang kebenaran malah merampas hak milik lombong yang sedia ada.

Keberanian yang dipunyai oleh migran Cina untuk melakukan rampasan terhadap lombong emas milik dua penguasa tempatan dan mengembangkan sendiri lombong emas di kawasan lain tanpa meminta kebenaran dari penguasa tempatan mengikut Jakcson (1970:53) adalah akibat dari kendali kedua-dua penguasa tempatan yang semakin melemah terhadap migran Cina. Ia berpunca dari persaingan kedua-dua penguasa dalam perusahaan perlombongan emas di samping berlakunya persengketaan akibat berebutkan hak terhadap kawasan perlombongan di kawasan Sungai Duri.

Dalam pada itu, persengketaan yang wujud di antara kedua-dua penguasa tempatan ini secara tidak langsung turut merenggangkan hubungan awal kekerabatan di antara dua kerajaan. Hubungan awal kekerabatan tersebut menurut Arena Wati (1973:157) dirintis menerusi persemedaan di antara Opu Daeng Menambun yang mengasaskan kerajaan Islam Mempawah dengan kerabat kerajaan Sambas iaitu Opu Daeng Kemasi yang berkahwin dengan Raden Tengah. Perkahwinan tersebut telah memungkinkan Opu Daeng Kemasi dilantik menjadi Pangeran Mangkubumi di kerajaan Sambas.

Persengketaan yang panjang di antara kedua-dua kerajaan yang bersemenda ini akhirnya merugikan mereka sendiri baik di pihak kerajaan Mempawah maupun kerajaan Sambas. Ini kerana dalam kesibukan kedua-dua kerajaan tersebut bersengketa, migran Cina mulai mengatur strategi dengan mengambil kesempatan tersebut untuk melaksanakan agenda jahat mereka iaitu merampas hak milik kawasan perlombongan dari kedua-dua penguasa tempatan itu di samping mengembangkan kawasan perlombongan yang lain.

Laksana gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati ditengah-tengah, persengketaan kedua-kedua kerajaan itu membuka ruang buat migran Cina membuat onar dan dampak dari perbuatan migran Cina ini bukan hanya dirasai oleh golongan bangsawan bahkan yang paling terkesan ialah masyarakat peribumi yang tertindas kerana hilang punca pendapatan. Justeru, menerusi *Syair Perang Cina di Monterado*, perbuatan migran Cina tersebut dicela sebagai jahat seperti yang berikut:

Cina sekalian kita bunuh hia/hiya,
Jangan hidupkan anak dan bini,
Dianya jahat ditanah ini,
Merosakkan kita selama kini. (r. 356)

Kita belum sampai hati mau merasakan,
Kita lagi baru mencari kebajikan,
Dengan lembut kita aturkan,
Dianya balas dengan kejahatan. (r. 664)

Rangkap syair tersebut jelas sekali mencela migran Cina dengan mengistilahkan mereka sebagai "jahat". Penggunaan istilah jahat ini memberi suatu gambaran yang amat buruk kepada keperibadian migran Cina terutamanya terhadap tindakkan mereka yang merampas kawasan perlombongan dari penguasa tempatan. Kerakusan migran Cina tersebut mempamerkan niat jahat sebenar mereka yang ingin menguasai perusahaan perlombongan emas secara total tanpa perlu dibahagikan hasilnya dengan orang lain.

Tindakan jahat migran Cina ini bukan sahaja mengesankan golongan bangsawan istana yang kehilangan hak ke atas kawasan perlombongan tetapi yang paling merasa tampan perbuatan tersebut adalah masyarakat peribumi yang hidup diluar kemewahan. Ini kerana masyarakat peribumi hilang punca pendapatan kerana bergantung hidup dengan mengambil upah melombong emas secara kecil-kecilan dari lombong-lombong yang dirampas oleh migran Cina.

Cengkaman migran Cina terhadap kawasan perlombongan yang sedia ada tidak memberikan ruang buat masyarakat peribumi untuk menyara hidup mereka menerusi upah melombong emas secara kecil-kecilan. Ironinya, nasib sosioekonomi masyarakat peribumi di perkotak-katikan sehingga berada pada suatu tahap yang tidak keterlaluan jika dikata sebagai amat menyedihkan. Ini kerana sesuatu yang menjadi hak dan seharusnya keutamaan hak itu sendeng kepada mereka akhirnya terlepas kepada tangan orang asing.

Dalam pada itu, keadaan di Kalimantan Barat menjadi bertambah rumit apabila migran Cina semakin melampaui batas ekoran berjaya menguasai urusan kewangan dan perniagaan di sana. Berkenaan dengan perbuatan migran Cina tersebut, Arena Wati (1989:51), mengatakan semasa Perang Monterado berlaku, migran Cina di Indonesia terutamanya di Jawa telah pun menguasai sewa pajak dari tangan Belanda. Antara cukai yang berjaya di kuasai oleh mereka ialah seperti cukai kepala, cukai jualan ikan, cukai candu, cukai arak, cukai pajak gadai, cukai jambatan, cukai pasar, dan juga cukai bagi ternakan yang disembelih oleh masyarakat peribumi untuk keperluan sendiri.

Setiap cukai yang dikenakan oleh migran Cina terhadap anak negeri mempunyai nilai yang tinggi berbanding sebelumnya. Sebagai contoh, cukai penyembelihan haiwan ternakan yang bernilai f.3 (tiga guilder) menyebabkan masyarakat peribumi tidak mampu menjelaskan tuntutan cukai tersebut kerana jumlahnya yang mahal. Bagi mengelakkan membayar cukai penyembelihan haiwan ternakan yang tinggi, masyarakat peribumi melakukan penyembelihan secara sembunyi.

Namun, migran Cina terlebih dahulu meletakkan mata-mata untuk mengawasi segala gerak geri masyarakat peribumi yang bertujuan untuk mengetahui setiap ternakan yang disembelih. Sebagai kesannya, migran Cina tanpa segan silu bertindak merampas haiwan ternakkan yang sudah disembelih kerana gagal membuat bayaran cukainya dan kemudiannya menjualnya dengan harga yang jauh lebih mahal dari nilai cukai yang seharusnya dibayar oleh masyarakat peribumi (Arena Wati 1989:51).

Situasi yang sama turut berlaku kepada masyarakat peribumi di Kalimantan Barat. Penggunaan migran Cina terhadap urusan kewangan dan perniagaan tersebut meletakkan masyarakat peribumi dalam situasi yang tersepit dan merasa tertindas dengan polisi cukai, kewangan dan perniagaan yang ditetapkan oleh migran Cina. Cara hidup masyarakat peribumi yang bersifat sederhana dengan menjalankan aktiviti sara diri berbentuk mudah membuatkan mereka tidak mempunyai sejumlah wang yang mencukupi untuk menjelaskan maksud cukai dan sebarang urusan kewangan yang dituntut oleh migran Cina. Dalam pada itu, masyarakat peribumi tidak dibukakan sebarang jalan untuk berbincang mengenai urusan kewangan tersebut sebaliknya ia terus ditimpakan bertindan-tindan ke atas masyarakat peribumi sehingga ia menjadi hutang kerana terkumpul dalam jumlah yang banyak.

Berikut diperturunkan rangkap-rangkap *Syair Perang Cina di Monterado* yang menyentuh mengenai hutang masyarakat peribumi tersebut:

Sekarang sudah kumpul semuanya,
Apa dinantikan lagi melanggarnya,
Cina sekalian sangat jahatnya,
Anak beranak utang dibuatnya. (r. 358)

Utang lama-lama serta utang baru-baru,
Meski Letnan Lornel tidak tahu,
Cina celaka kuat menipu,
Kepada Dayak sekalian serta Melayu. (r. 397)

Pangeran Suta menyahut benarlah itu,
Utang Dayak banyak sudah tertentu,
Tetapi sudah dibayarnya itu,
Tinggal anaknya bukannya suatu. (r. 398)

Letnan Kornel berkata tiada putus,
Sekarang sudah bikin putus,
Utang Dayak koyan dan ratus,
Dihadapan Dayak beratus-ratus. (r. 450)

Berdasarkan kepada baris "utang Dayak koyan dan ratus", dapat di lihat dengan jelas keadaan masyarakat peribumi yang terpaksa berhadapan dengan beban hutang dan bunganya yang dikenakan dengan tinggi. Dalam masa yang sama, pada baris "utang lama-lama dan utang baru" dan "anak beranak utang dibuatnya" menjelaskan bahawa hutang yang dikenakan oleh migran Cina itu akan diwarisi oleh satu generasi ke satu generasi masyarakat peribumi. Ia membuatkan masyarakat peribumi terikat dengan hutang tersebut sepanjang hidup mereka

Perletakkan kadar bunga yang tinggi terhadap nilai hutang masyarakat peribumi yang gagal dibayar memperkerjakan tipu helah dan muslihat migran Cina yang ingin memeras sumber kewangan masyarakat peribumi habis-habisan. Keadaan tersebut demikian kerana menerusi bunga hutang tersebut, migran Cina akan memperolehi sejumlah wang yang banyak daripada masyarakat peribumi memandangkan nilai asal hutang tersebut dibayar dua kali ganda oleh masyarakat peribumi.

Tidak cukup dengan hanya menekan masyarakat peribumi menerusi hutang yang mempunyai kadar bunga yang tinggi, berikutnya migran Cina melakukan rampasan terhadap hasil-hasil pertanian masyarakat peribumi sebagai akibat dari kegagalan mereka menjelaskan hutang kepada migran Cina. Perbuatan melampau migran Cina ini juga sama seperti mana yang dilakukan oleh mereka terhadap haiwan ternakan yang disembelih anak negeri di Jawa akibat tidak dijelaskan bayaran cukainya. Tindakkan yang tidak berperikemanusiaan migran Cina tersebut adalah seperti rangkap syair yang berikut:

Kepada Cina Pangeran bertitahlah,
Dayak sekalian jangan kau paksalah,
Sekalian utangnya engkau buanglah,
Padi yang hampas Dayak jangan diambilah. (r. 299)

Adapun pada hari ini sekarang,
Utang Dayak pada Cina sudah dibuang,
Beras dan padi serta uang-uang,
Seraya menyahut Seri Pangeran. (r. 446)

Tindakkan migran Cina yang merampas hasil pertanian masyarakat peribumi berdasarkan baris “padi yang hampas Dayak jangan diambilah” dan “beras dan padi serta uang-uang” adalah sebagai akibat dari kegagalan menjelaskan bayaran hutang dan kadar bunga yang tinggi. Ia menampakan sikap migran Cina yang begitu ghairah dalam mengejar kebendaan di negeri orang. Migran Cina terlihat ingin memanfaatkan segala sumber yang ada untuk mendapatkan keuntungan. Bahkan keberhasilan migran Cina merampas kawasan perlombongan seolah-olah tidak berjaya memuaskan nafsu tamak mereka terhadap kebendaan sehingga sanggup merampas seberang benda milik masyarakat peribumi yang dianggap bernilai. Bagi migran Cina, hasil-hasil pertanian milik masyarakat peribumi seperti beras dan padi turut mempunyai nilai yang tinggi untuk dijadikan sebagai barang dagangan kepada pihak yang memerlukannya.

Dalam masa yang sama, sewaktu meletusnya perang Monterado di Kalimantan Barat, migran Cina masih lagi berkeliaran di kampung-kampung p untuk mengutip hutang dari masyarakat peribumi tanpa menghiraukan situasi yang gawat pada ketika itu seperti rangkap syair yang dibawah:

Semalam ada Cina yang datang,
Ke Batu Raya menagih piutang,
Katanya Dayak bayarlah hutang,
Kami nin tidak kalah berperang. (r. 400)

Habar Cina jangan kau dengar,
Sahajanya hendak membuat onar,
Supaya kamu berhati gentar,
Bolehlah utang kamu berbayar. (r. 404)

Menerusi rangkap syair tersebut, nafsu migran Cina dalam usahanya mengumpul kekayaan di Kalimantan Barat melangkaui sebarang situasi yang berlaku. Baik dalam keadaan yang aman dan tenteram, mahu pun dalam situasi peperangan, hutang masyarakat peribumi terhadap mereka tetap juga dikutip bayarannya. Meskipun dalam perang Monterado tersebut nyawa migran Cina sangat di inginkan oleh masyarakat peribumi, tetapi migran Cina masih lagi punya keberanian berkeliaran mengutip hutang. Betapa ia menjelaskan sikap kebendaan migran Cina yang seakan-akan tidak puas dengan sesuatu yang di milikinya. Dari perspektif yang lain pula, tindakkan migran Cina yang mengutip hutang dalam keadaan gawat akibat berlakunya peperangan terlihat seperti disengajakan kerana ia merupakan salah satu bentuk provokasi mereka untuk melemahkan semangat juang masyarakat peribumi dalam peperangan pada waktu tersebut.

Akibat dari keterlanjuran migran Cina yang semakin melampaui batas, ia telah menyuburkan kebencian dalam diri masyarakat peribumi terhadap kehadiran mereka di Kalimantan Barat. Penindasan dan kejahatan yang dilakukan oleh migran Cina seumpama mimpi ngeri kepada masyarakat peribumi. Dalam pada itu, perasaan benci ini juga secara tidak langsung menzahirkan semangat etnosentrisme dalam kalangan masyarakat peribumi yang sentiasa bersedia untuk mempertahankan tradisi dan kepentingan mereka dari ancaman luar (Zubir Idris 2013: 86). Selain dari membela hak masyarakat peribumi sendiri, migran Cina juga perlu

untuk diingatkan semula mengenai tujuan asal mereka yang hanya berkerja sebagai kuli kepada Penembahan Mempawah dan Sultan Sambas di lombong emas. Tetapi tujuan asal itu dilangkaui dan disalahertikan sehingga bertindak sebaliknya dengan menguasai sesuatu yang bukan milik mereka.

Namun begitu, dalam konflik di antara migran Cina dan masyarakat peribumi ini tundingan jari tidak seharusnya dihalakan sepenuhnya kepada migran Cina. Ini kerana sikap masyarakat peribumi sendiri juga perlu dipertanggungjawabkan di atas segala yang berlaku. Keadaan tersebut demikian kerana masyarakat peribumi ternyata tidak cekap memanfaatkan peluang dan kekayaan hasil bumi di tanah sendiri sehingga ia lebih dihargai oleh orang luar. Stigma masyarakat peribumi ini selari dengan pandangan Burn (1811:107) yang mengatakan bahawa masyarakat peribumi seperti orang Dayak kebiasaannya melakukan pekerjaan seperti bertanam padi meskipun ada di antaranya yang mendulang emas secara kecil-kecilan. Namun perkerjaan tersebut dianggap oleh orang Dayak sebagai bersifat sederhana walaupun realitinya pekerjaan tidak sebegitu.

Pandangan yang dilontarkan oleh Burn ini pula turut selari dengan pendapat Sidek Fadzil (1970: 26-27) yang menurut beliau masyarakat tempatan atau peribumi mempunyai suatu sikap yang tidak suka melakukan kerja-kerja berat dan rendah (buruh abadi). Oleh itu, keadaan tersebut membuatkan hasil komoditi emas di Kalimantan Barat tidak diusahakan dan di komersialkan secara konsisten oleh masyarakat peribumi sendiri walaupun jumlahnya banyak serta bernilai dalam pasaran pada waktu tersebut sehingga menjemput orang asing untuk mengusahakannya.

Meskipun begitu, dalam situasi nasi sudah menjadi bubur dan sudah terhantuk baru terngadah ini, kebiadapan migran Cina tidak boleh dibiarkan untuk terus bermaharajalela. Ekoran itu, masyarakat peribumi melancarkan perperangan terhadap migran Cina yang dikenali sebagai perang Monterado bagi membetulkan semula situasi dan keadaan yang kacau bilau angkara migran Cina. Hak mereka terhadap kekayaan hasil bumi dan beban hutang hanya boleh dirampas dan dihapuskan menerusi jalan perperangan memandangkan migran Cina semacam lut dari mendengar nasihat yang diberikan oleh Belanda sebelumnya.

Kesannya, angkatan perang masyarakat peribumi mulai begerak mengempur kubu-kubu migran Cina yang berlokasi di kawasan perlombongan. Ia telah menimbulkan rasa takut dalam diri migran Cina seperti rangkap-rangkap syair yang diturunkan berikut:

Angkatan datang sudahlah gembar,
Letnan Kornel hendak melanggar,
Cina pesisir laut hatinya gentar,
Kepada kongsi ia berkhabar. (r. 71)

Diserang semut selambarak bayak terlalu,
Kongsi berfikir hatinya pilu,
Dari mana gerangan musuh nan lalu,
Akhirnya Thai Kwung mendapat malu. (r. 74)

Sekalian kongsi berkedudukan,
Pakniasut rasia dihabarkan,
Dayak Manlinsam Mempawah ditakutkan,
Begitulah habarnya resinya yang diadatkan. (r. 75)

Tiada juga dihabiskan peri,
Mangkin bertambah dianya sehari-hari,
Hati Cina terlalu negeri,
Semuanya kanti di dalam negeri. (r. 179)

Sudah memasang bala tentera,
Kubu segera dihampirinya,
Cina pun tidak dapat melawannya,
Cina pun lari membawa dirinya. (r. 195)

Cina Mandor juga berpesan,
Dari Mempawah besar angkatan,
Cina Mentradox sangat ketakutan,
Sekalian perempuan bertangisan. (r. 252)

Angkatan Pangeran Suta sudahlah gempar,
Pesisir Mentradox hendak dilanggar,
Kepada Kongsi Cina berkhabar,
Kongsi mendengar hatinya gubar. (r. 239)

Dari rangkap-rangkap syair di atas, dapat di bukti bahawa migran Cina berasa takut, hiba dan gusar dengan angkatan perang masyarakat peribumi yang akan menyerang mereka. Malahan, aset ketenteraan yang di miliki oleh mereka ternyata tidak mampu bertahan lama untuk menampang amukan masyarakat peribumi. Keadaan tersebut membuatkan migran Cina bertempiaran lari dan bertangisan kerana ketakutan. Sepanjang perang itu berlangsung, ramai migran Cina yang berkubu di kawasan perlombongan menemui ajalnya akibat dibunuh oleh angkatan perang masyarakat peribumi yang tidak mengenal ampun. Rumah mereka dibakar manakala harta benda dan senjata perang turut dirampas. Kubu pertahanan mereka satu persatu berjaya ditawan oleh angkatan perang masyarakat peribumi.

Namun demikian, terdapat juga beberapa migran Cina yang menyerah kalah dan kemudiannya tanpa segan silu dan malu meminta kepada angkatan perang masyarakat peribumi untuk mengampunkan nyawa mereka setelah berbuat onar kepada masyarakat peribumi. Perasaan tidak tahu malu dan bersalah migran Cina yang memohon ampun tersebut digambarkan di dalam syair seperti berikut:

Pangeran berangkat Kubu Jejawi dihampirinya,
Angkatan banyak tiada terperi,
Cina pun sangat takut dan ngeri,
Segala rumah bendera putih berdiri. (r.278)

Adapun Cina punya perkataan,
Kepada pangeran-pangeran meminta aman,
Minta ampun serta kasihan,
Anak bininya minta dilepaskan. (r. 290)

Empat orang Cina yang datang,
Si Mee Tong Si Lee Pat Namanya terang,
Serta banyak membawa barang,
Pangeran tidak mahu memandang. (r. 286)

Jikalau ada ampun yang gana,
Kepada sekalian kami orang Cina,
Serta mengikut perintah yang sempurna,
Akan diri kami yang hina. (r. 291)

Akibat takut dibunuh oleh masyarakat peribumi dalam peperangan tersebut, migran Cina memilih untuk menyerah kalah dengan mengibarkan bendera putih. Bahkan harta mereka yang berupa emas ditawarkan untuk membeli kemaafan dari angkatan perang peribumi agar tidak dibunuh. Dalam situasi yang tidak memihak kepada migran Cina itu, mereka masih lagi berani dan sempat menjalankan urus niaga terhadap kemaafan yang dipohonkan daripada

masyarakat peribumi. Ia memberikan gambaran mengenai migran Cina yang menganggap harta mampu membeli segala-galanya.

Namun, keterlanjuran mereka terhadap masyarakat peribumi dalam urusan perlombongan emas, cukai, kewangan dan perniagaan tidak mampu dibeli kemaafannya dengan emas dan akhirnya memberikan satu tumparan besar yang dibayar dengan nyawa mereka sendiri. Namun pada waktu itu, penyesalan mereka sudah tidak ada nilainya lagi kerana nasihat yang diberikan sebelumnya oleh Belanda tidak diendahkan oleh mereka malah kerakusan mereka tidak mengenal erti perikemanusian terhadap masyarakat peribumi.

Dalam pada itu, kegigihan migran Cina mengumpul kekayaan menerusi perampasan dan pembukaan lombong emas, penguasaan urusan kewangan dan perniagaan terlihat berakhir dengan sia-sia kerana semasa berlangsungnya perang Monterado ini, kesemua harta benda yang dimiliki oleh mereka dirampas dan dimiliki oleh masyarakat peribumi. Tidak ada satu pun harta yang mampu diselamatkan oleh mereka. Ia akhirnya menampakkan situasi orang yang tamak selalu rugi terhadap diri migran Cina.

Ketamakkan dan kerakusan dalam diri migran Cina akhirnya membawa kepada keruntuhan institusi kongsi mereka sendiri. Menjelang tahun 1854 Masihi, pertubuhan kumpulan kongsi di Kalimantan Barat berada pada penghujungnya hayatnya. Ia juga turut menyaksikan kelemahan kekuasaan migran Cina yang mengcengkam perlombongan emas, cukai, kewangan dan perniagaan kerana kontrak melombong emas yang diberikan oleh penguasa tempatan kepada migran Cina ditukar milik kepada Belanda sebagai suatu bentuk penghargaan dalam menumpaskan migran Cina (Any Rahmayani 2015: 351).

KESIMPULAN

Kedatangan migran Cina ke Alam Melayu khususnya di Kalimantan Barat menjadi kuasa kedua yang mengcengkam masyarakat peribumi di sana. Keluh kesah masyarakat peribumi yang dicetuskan awal oleh Belanda menjadi semakin bertambah rumit apabila migran Cina muncul sebagai kuasa kedua yang menguasai sumber ekonomi Kalimantan Barat. Kesannya, masyarakat peribumi Kalimantan Barat tersepit dan tertindas di antara kekuasaan Belanda dan migran Cina dalam satu-satu masa. Ia membuatkan sumber bumi Kalimantan Barat dieksplotasi dua kali ganda berbanding sebelum dimonopoli oleh kedua-dua kuasa asing ini. Berbanding Belanda, cengkam migran Cina terhadap Kalimantan Barat yang menguasai sumber ekonominya ternyata lebih mengesankan pada waktu tersebut.

Sebagai usaha untuk mempertahankan hak peribumi, perbuatan migran Cina ini telah menyebabkan berlakunya perang Monterado yang diletuskan oleh angkatan perang peribumi. Ia sebagai timbal balas kepada penindasan yang dilakukan oleh migran Cina terhadap masyarakat peribumi setempat. Perang Monterado ini telah menyaksikan kekalahan besar-besaran migran Cina meskipun kumpulan kongsi mereka memiliki aset ketenteraan. Kemarahan masyarakat peribumi terhadap migran Cina telah menyebabkan ramai migran Cina baik tua, muda, lelaki dan wanita dibunuh. Rumah mereka dibakar dan harta benda serta senjata peperangan yang digunakan untuk mempertahankan diri turut dirampas. Kubu pertahanan migran Cina berjaya ditawan satu persatu. Kemuncak peperangan ini ialah dengan berakhirnya pertubuhan kongsi di Kalimantan Barat yang mengcengkam sosioekonomi peribumi Kalimantan Barat.

METODOLOGI

Penulisan ini dilakukan menerusi kaedah penyelidikan kepustakaan dengan menjadikan naskhah historiografi *Syair Perang Cina di Monterado* sebagai data. Kaedah penyelidikan kepustakaan tersebut digunakan untuk mencari dan mencatat semua maklumat yang diperlukan menerusi bacaan rapi. Maklumat-maklumat tersebut diambil daripada bahan-bahan rujukan seperti buku, majalah, latihan ilmiah, jurnal, tesis, artikel, kertas seminar, kertas persidangan dan sebagainya. Tempat-tempat yang digunakan untuk memperoleh semua bahan rujukan itu ialah Perpustakaan Tun Seri Lanang, Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan Pusat Sumber di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Ketiga-tiganya terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dalam pada itu, pendekatan sejarah juga akan digunakan bagi melakukan analisis terhadap naskhah *Syair Perang Cina di Monterado* ini. Menerusi pendekatan sejarah, analisa terhadap faktor-faktor yang membawa kepada peristiwa perang di dalam syair ini akan dapat dilakukan.

RUJUKAN

- Arena Wati (pngr.). (1989). *Syair Perang Cina di Monterado*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alqadrie Syarif Ibrahim & Pandil Sastrowardoyo. (1984). *Sejarah Sosial Daerah Kotamadya Pontianak*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Burn, J. t.th. *Manuscripts on Pontianak*. t.tp: t.pt.
- Any Rahmayani. (2010). *Permukiman Tionghua di Singkawang Abad Ke-19 (Sejarah Kota Bercirikan Tionghua)*. Pontianak: BPSNT Pontianak.
- Any Rahmayani. (2015). Monterado 1818-1858: Dinamika Kota Tambang Emas. *PATANJALA* 7(2): 345-360.
- Cheah Boon Kheng & Abu Talib Ahmad. (1990). *Kolonialisme Di Malaysia Dan Negara-Negara lain*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Cindy Richard Thing. (2011). Sejarah Interaksi Orang Cina dan Dayak di Sarawak. *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah* 39: 91-101.
- Danar Widiyanta. (2010). Keberadaan Etnis Cina dan Pengaruhnya Dalam Perekonomian di Asia Tenggara. *MOZAIK* 5(1): 84-95.
- Hari Poerwanto. (2005). *Orang Cina Khek Dari Singkawang*. Depok: Komunitas Bambu.
- Ida Bagus Putu Prajna Yogi. (2016). Lanskap Pertambangan Penambang Tiongkok di Monterado Kalimantan Barat: pendekatan Arkeologi Sejarah. *Forum Arkeologi* 29(1): 1-10.
- Jackson C. James. (1970). *Chinese In The West Borneo Goldfields: A study In Cultural Geography*. England: University of Hull Publications.
- Khoo Kay Kim. (1971). Latar Belakang Sejarah Masyarakat India dan Cina di Tanah Melayu. *JEBAT* 1(1): 14-23.
- Maruwiah Ahmat. (2006). *Penjajahan Protugis Dan Sepanyol Ke Atas Asia Tenggara: Satu Pengamatan Semula*. Shah Alam: Karisma Publications.
- Mohd. Nor Ghani & Noraini Ismail (pngr.). (1986). *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazarudin Zainun & Nasha Rodziadi Khaw (pngr.). (2016). *Hubungan Politik Dan Sosiobudaya China-Dunia Melayu Hingga Kurun Ke-15 Masihi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nazarudin Zainun & Nasha Rodziadi Khaw (pngr.). (2016). *Perdagangan Dunia Melayu-China Hingga Kurun Ke-16 Masihi: Satu Tinjauan Sejarah dan Arkeologi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Oong Hak Ching. (1996). Masalah Komuniti Cina dan Proses Dekolonialisasi di Semenanjung Tanah Melayu, 1942-1957. *Jurnal Malaysia Dari Segi Sejarah* 39: 56-69.
- Pabali bin Haji Musa. (2005). Kesultanan Sambas. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara: Sejarah dan Warisan 2005*, hlm. 321-332.

Konflik Migran Cina dengan Peradaban Peribumi Kalimantan Barat: Analisis Syair Perang Cina di Monterado

- Purcell, Victor. (1966). *The Chinese in South-East*. Oxford University Press: London
- Sidek Fadzil. (1970). *Sejarah Orang China Di Tanah Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Tjilik Riwut. (1979). *Kalimantan Membangun*. Kalimantan: Pelangka Raya.
- Zubir Idris. (2013). *Etnosentrisme Dalam Syair-Syair Perang Melayu Belanda*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.